



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 68  
No. 15

**23hb Julai 2015**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 1362.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 1413 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 30 September 2010, Pihak Berkuasa Negeri, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah merizabkan tanah seluas 6792 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 5353 dan seluas 1.352 hektar yang dikenali sebagai Lot 5354, Mukim Pekan Cheka, Daerah Lipis, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 109217 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Masjid dan perkuburan Islam di Kampung Jeram Bungor.

Dan bahawasanya, Pihak Berkuasa Negeri bercadang keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dibatalkan:

Maka, oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis akan cadangan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, untuk membatalkan keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantahan keseluruhan perizaban tanah tersebut akan didengar oleh Pentadbir Tanah Lipis pada satu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Lipis pada 27 Julai 2015 pada jam 10.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 1413 published in the State Government of Pahang *Gazette* on 30 September 2010, the State Authority, in exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56/1965] has reserved the land comprising an area of 6792 square metres, known as Lot 5353 and area of 1.352 hectares known as Lot 5354, Mukim of Pekan Cheka, District of Lipis, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 109217 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Mosque and Muslim cemetery and Kampung Jeram Bungor.

And whereas, the State Authority proposes that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

Now therefore, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code, of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object such revocation will be heard by the Land Administrator of Lipis at an enquiry to be held at the Lipis District and Land Office on 27 July 2015 at 10.00 a.m.

Bertarikh 10 Jun 2015

Dated 10 June 2015  
[PTL. 2/016/96]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

### No. 1363.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) geran hilang. Surat Akuan Pers. 209/2015—25-5-2015.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Triang. No. Lot—3636. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 7919. Luas—4.0469 hektar.

Bertarikh 29 Mei 2015  
[PTG.Phg. 08/0030/2015-KH]

Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang

### No. 1364.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperlakukan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran Komputer (DHKK) geran hilang. Surat Akuan Perserahan: 192/2015—13-5-2015.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—87199. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 27942. Luas—472 meter persegi.

Bertarikh 22 Jun 2015  
[PTG.Phg. 08/0036/2015-SH]

Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang

### No. 1365.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Wee Tin Yik yang beralamat 28 Jalan Tengku Bakar, 28000 Temerloh, Pahang. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang pada hari Khamis bersamaan 17 September 2015 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1240

[23hb Julai 2015]

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. Lot—206 Seksyen 6. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 9998 Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2195/2010. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 26 Jun 2015  
[PTT. 4/369/22/2015]

*Pentadbir Tanah  
Temerloh*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA